

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 54-63

Institusi Tahfiz Di Malaysia: Proses Perkembangan Dan Cabaran

Tahfiz Institutions in Malaysia: Development Process and Challenges

Muhammad Ikram Abdul Latiff¹ Noornajihan Jaafar²

¹ Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

² Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

* Corresponding Author: Muhammad Ikram Abdul Latiff. Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

Artikel dihantar: 1 September 2024

Artikel diterima: 8 November 2024

Artikel diterbitkan: 26 Disember 2024

ABSTRACT

The development of Islamic studies, especially tahfiz studies, began to be institutionalized after Malaysia achieved independence. Starting with the Study Class of Memorizing al-Quran wal Qiraat to Maahad Tahfiz wal Qiraat, it was then upgraded to become Darul Quran today, showing very positive progress for the development of the country's religion. The Muslim community has begun to realize the importance of religion as a vehicle for the advancement of life. The study of tahfiz becomes one of the platforms for the community to translate their Islamic awareness. This scenario makes tahfiz institutions grow in various categories to give tahfiz education opportunities to every age group. However, the dumping of this tahfiz institution also has an impact in several aspects in administration, management, studies and so on. As the institution's prospects are vast, so are its challenges. Thus, this paper aims to analyze the challenges faced by tahfiz institutions in Malaysia at this time. The study uses the literature review method by analyzing the content of primary and secondary sources to answer the objectives of the study. The results of the study found that there are four main challenges for tahfiz institutions in Malaysia, which are challenges in the aspect of technology, challenges in the aspect of social problems, challenges in the aspect of certification and also challenges in the aspect of modernization. This study also discusses several important matters that need to be considered and it is hoped that the tahfiz institutions in this country can take steps towards a better and more effective in the future.

Keywords: *Al-Quran, Tahfiz Institutions, Challenges.*

ABSTRAK

Perkembangan pengajian Islam khususnya pengajian tahfiz mula diinstitusikan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Bermula dengan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran wal Qiraat kepada Maahad Tahfiz wal Qiraat seterusnya dinaiktaraf menjadi Darul Quran pada masa kini menunjukkan kemajuan yang sangat positif dalam pembangunan agama dan negara. Masyarakat Islam telah mula menyedari kepentingan beragama sebagai wadah bagi kemajuan hidup. Pengajian tahfiz menjadi salah satu platform untuk masyarakat menterjemahkan kesedaran Islam mereka. Senario ini menjadikan institusi

tafhiz berkembang dalam pelbagai kategori bagi memberi peluang pendidikan tahfiz kepada setiap peringkat umur. Namun, lambakan institusi tahfiz ini juga turut memberi kesan dalam beberapa aspek dalam pentadbiran, pengurusan, pengajian dan sebagainya. Oleh kerana prospek institusi ini sangat luas, demikian juga dengan cabarannya. Demikian itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh institusi tahfiz di Malaysia pada ketika ini. Kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisa kandungan terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjawab objektif kajian tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat empat cabaran utama institusi tahfiz di Malaysia iaitu cabaran dalam aspek teknologi, cabaran dalam aspek masalah sosial, cabaran dalam aspek pensijilan dan juga cabaran dalam aspek modenisasi. Kajian ini juga membincangkan beberapa perkara serta elemen penting yang perlu diambil cakra dan diharap agar institusi tahfiz di negara ini dapat mengorak langkah ke arah yang baik baik dan efektif pada masa hadapan.

Kata Kunci: Al-Quran, Institusi Tahfiz, Cabaran.

How to Cite: Abdul LAatiff, M. I., & Jaafar, N. . (2024). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Proses Perkembangan Dan Cabaran: Tahfiz Institutions in Malaysia: Development Process and Challenges. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63.

DOI: <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/84>

1.0 PENDAHULUAN

Antara nikmat yang paling berharga yang diberikan Allah SWT kepada makhlukNya di alam ini ialah al-Quran. Al-Quran ialah kalam Allah s.w.t yang menjadi kitab perundangan Islam dan sumber rujukan segala ilmu pengetahuan di dunia ini. Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi sumber inspirasi dan juga panduan kepada pembangunan tamadun manusia sejagat yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. al-Quran bukan sahaja menjadi rujukan kepada umat Islam, malah yang bukan Islam juga menjadikannya sumber rujukan yang tepat.

Al-Quran merupakan mukjizat yang sesuai digunakan pada semua zaman. Ia merupakan sumber rujukan utama bagi seluruh manusia yang inginkan pedoman dalam kehidupan mereka. Sejarah telah membuktikan bahawa al-Quran adalah satu-satunya kitab samawi yang tiada bandingnya dari aspek kesuciannya. Kitab Allah SWT yang terakhir ini terhindar daripada sebarang bentuk penyelewengan dan perubahan. Isi kandungan dalam al-Quran tetap kekal terpelihara daripada sebarang penyelewengan oleh anasir-anasir jahat bertepatan dengan janji Allah SWT sebagaimana firmannya dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ٩

Maksudnya:

“*Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan pasti Kami (pula) yang memeliharanya*”

Allah SWT telah memelihara kitab suci ini dengan pelbagai cara. Antaranya dengan mengilhamkan kepada sebahagian daripada umat Islam untuk menjaga kitab ini melalui pembukuannya sebagai sebuah kitab suci dan penghafalannya di dalam dada-dada umat Islam. Bermula dengan usaha Rasulullah SAW melantik beberapa orang sahabatnya sebagai penulis wahyu. Kemudian diikuti pula oleh Abu Bakar as-Siddiq yang telah memrintahkan Zaid bin Thabit agar membukukan al-Quran. Keputusan yang amat tepat dan bijak bagi menjamin dan memelihara kesucian al-Quran daripada hilang ekoran daripada kematian yang amat dahsyat dikalangan para penghafaz al-Quran semasa peperangan di Yamamah. Kemudian usaha pemeliharaan al-Quran disusuli pula oleh Khalifah Uthman bin Affan yang telah menyatukan umat Islam di bawah satu mushaf yang dikenali sebagai Mushaf al-Imam yang kekal sampai ke hari ini dan mengutusnyanya ke kota-kota besar Islam pada ketika itu (Ahmad Salihin & Latifah, 2022).

Di samping itu, menghafal al-Quran juga merupakan salah satu usaha dalam memelihara kesucianNya dan mengekalkan keaslianNya serta menangkis cubaan-cubaan pemalsuan terhadapnya. Al-Quran turut dihafal oleh umat Islam di sepanjang zaman. Rasulullah SAW merupakan insan pertama yang menghafal al-Quran. Allah SWT telah



berjanji akan mengumpulkan al-Quran di dada baginda SAW sebagaimana firmannya dalam surah al-Qiyamah ayat 17-18:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ. ١٧ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ. ١٨

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu) (17); Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu (18)”

Kemudian tanpa putus-putus al-Quran terus dihafal oleh setiap generasi umat Islam sehingga ke hari ini dan akan berterusan sehingga ke hari kiamat.

Al-Quran juga menjadikan seseorang itu dimuliakan serta diberi kelebihan, sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Akan dipakaikan di kepalanya mahkota dan kedua ibu bapanya akan diberi perhiasan yang tidak boleh dinilai oleh penduduk dunia. Lalu mereka bertanya: “Mengapa kami diberi perhiasan seperti ini?”. Allah menjawab: “Kerana anak kamu mempelajari al-Quran?”. Kemudian dikatakan kepadanya: “Bacalah dan naiklah ke tingkat syurga dan bilik-biliknyanya”. Dia akan terus naik selama dia membaca (ayat al-Qur’an)”.

(Hadith. Ibn Hanbal. Buraidah al-Aslamiy. Juz’ 38:#22950)

Usaha untuk memelihara dan menghafal al-Quran semakin giat dijalankan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan perkembangan dan minat masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pendidikan tahfiz (Abd Khalim et al., 2023) Bagi memenuhi keperluan tersebut para pengusaha pusat-pusat tahfiz sekaligus mula membuka madrasah-madrasah baru. Kenyataan ini dikuatkan oleh kajian daripada Murihah et al. (2015), bahawa kemunculan pusat-pusat pengajian tahfiz di seluruh negara yang semakin banyak membuktikan kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat pengajian tahfiz bagi memenuhi tuntutan dalam mempelajari ilmu agama.

2.0 Sejarah Perkembangan Institusi Tahfiz di Malaysia

Pengajian tahfiz telah bertapak di Alam Melayu sejajar dengan kedatangan Islam. Ianya mula diperkenalkan di surau, masjid dan rumah guru-guru al-Quran dalam bentuk yang tidak formal (Fazlullah Shuib, 1995) dan digandingkan bersama-sama mata pelajaran asas Islam yang berkaitan fardu ain dan fardu kifayah. Sarjana menggelarkannya sebagai pengajian Alif Ba Ta (Abdullah Jusuh, 1989) atau sekolah al-Quran (Abdullah Ishak 1995, Shamsul A.B. 2002, Rosnani Hashim, 2004). Kaedah pembelajaran memberi fokus kepada proses mengenal, mengeja dan menghafaz bermula dari Kitab Muqaddam hinggalah kepada surah lain di dalam al-Quran. Guru pula terdiri dari mereka yang arif mengenai ilmu al-Quran (Md. Jani Naim, 1980). Suasana secara tidak formal ini berterusan sehinggalah timbul idea mengenai penubuhan pengajian tahfiz secara formal, sistematik dan tersusun berikutan saranan al-Marhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, yang tercetus dari penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Kebangsaan pada tahun 1960M (Noor Hisham Md Nawawi et al., 2014, Murihah Abdullah et al., 2015).

Cadangan mewujudkan pengajian tahfiz secara formal ini telah berjaya direalisasikan pada tahun 1966M dengan tertubuhnya Kelas Pengajian Menghafaz Al-Quran dan Ilmu Qiraat yang diletakkan di bawah pengelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Ia sebagai salah satu usaha dan wadah rasmi bagi masyarakat Islam di Malaysia untuk mempertingkatkan kualiti bacaan al-Quran (Nordin Ahmad 2015, Wan Muhammad A. Aziz 2003). Hasil dorongan dan permintaan yang tinggi oleh masyarakat, institusi ini terus berkembang dan telah dinaiktaraf menjadi Maahad Tahfiz wal Qiraat pada tahun 1972M seterusnya menjadi Darul Quran pada tahun 1998M. Pengajian hafazan Al-Quran telah diangkat sebagai teras utama



pengajian dan telah diperkukuhkan dengan ilmu Islam lain seperti qiraat, dakwah, syariah, hadis, muamalat dan pengurusan halal. Pada peringkat awal, Sijil Pengajian Tahfiz wal Qiraat bertaraf diploma telah ditawarkan dan ia dinaiktaraf menjadi Diploma Pengajian Tahfiz wal Qiraat sejajar dengan perkembangan dan permintaan pendidikan tinggi negara dan antarabangsa (Nordin Ahmad, 2015).

Sehingga kini, perkembangan pengajian dan institusi tahfiz di Malaysia amat memberangsangkan. Usaha ini dilakukan bersungguh-sungguh dengan tujuan untuk memelihara kesucian dan juga menghayati setiap huruf serta kalimah dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT didalam surah Saad dan surah Muhammad :

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٩

Maksudnya:

“Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkat supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran”

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَفْعَاهَا ٢٤

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran atau hati mereka terkunci?”

Kesedaran masyarakat Islam Malaysia umumnya terhadap keperluan mendekati diri dengan al-Quran semakin menebal dan mendapat perhatian. Maka dengan kesedaran ini, pendidikan tahfiz di Malaysia terus berkembang pesat dengan penubuhan institusi tahfiz di bawah kelolaan pelbagai agensi seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga institusi persendirian. Malah agensi kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut memperkenalkan program pendidikan tahfiz (JAKIM, 2021).

Natijahnya, penubuhan sekolah tahfiz atau maahad tahfiz bercambah ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan. Secara umumnya, setiap negeri di Malaysia mempunyai sebuah sekolah pengajian tahfiz yang dikelolai oleh kerajaan negeri selain sekolah tahfiz swasta yang bertebaran banyaknya di seluruh pelusuk Malaysia (Mun'im, 2021). Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh JAKIM yang dikemaskini pada 22hb Ogos 2021, jumlah pusat pengajian tahfiz di Malaysia adalah sebanyak 1,225. Jumlah tersebut adalah merangkumi Maahad Tahfiz Negeri, Maahad Tahfiz Swasta (Rendah), Maahad Tahfiz Swasta (Menengah) dan Maahad Tahfiz Swasta (Rendah dan Menengah) (Ikmal Adnan et al., 2023).

Matlamatnya adalah satu iaitu untuk membuka ruang dan peluang kepada masyarakat yang berminat untuk menghafaz dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran. Namun konteks pengurusannya adalah berbeza. Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kerajaan dan swasta. Kedudukan ini akan memperlihatkan kepada kita prospek dan cabaran sebenar terhadap hala tuju institusi tahfiz negara. Penilaiannya harus mengambil kita beberapa aspek utama seperti tahap pengajian merangkumi rendah, menengah dan pengajian tinggi, penarafan sijil sama ada diiktiraf atau tidak oleh kerajaan, kelangsungan pengajian di dalam dan luar negara, keperluan kolaborasi yang bersifat silang ilmu dan sebagainya (Syarul Azman et al., 2024). Namun, realitinya kepelbagaian dan keragaman ini telah membuka banyak ruang dan peluang untuk pertumbuhan institusi tahfiz di Malaysia, tetapi ia juga telah meyebabkan pengurusan pendidikan tahfiz semakin menjadi sukar (Solahuddin, 2016).



3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian dalam mencapai objektif kajian. Pendekatan kualitatif dalam artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder iaitu bahan bacaan seperti jurnal, buku, artikel, kertas persidangan, akhbar harian dan sebagainya. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisa kandungan terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjawab persoalan kajian

4.0 Cabaran yang Dihadapi Institusi Tahfiz

Institusi pengajian tahfiz memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian dan perkembangan bidang tahfiz di Malaysia. Namun, tidak dinafikan bahawa institusi tahfiz juga tidak terkecuali terkesan dengan kemajuan arus permodenan pada hari ini dan telah mendatangkan cabaran yang signifikan kepada institusi tahfiz di negara ini. Berikut dibawah merupakan cabaran-cabaran yang dikenalpasti oleh pengkaji yang dihadapi oleh institusi tahfizi di negara buat masa ini, antaranya adalah;

Cabaran Dalam Aspek Teknologi

Perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan secara amnya telah berkembang dengan pesat. Namun, bidang teknologi pendidikan tahfiz juga satu cabang baru yang masih kurang diterokai. Bagaimana dunia pendidikan tahfiz khasnya dapat memanfaatkan perisian penyampaian teknologi maklumat yang dianggap sebagai alatan produktiviti (*productivity tools*) yang dapat membantu guru-guru tahfiz dalam pengajaran dan pembelajaran serta tugas lain (Ikmal Adnan et al., 2023).

Hal ini jelas dibuktikan terutamanya ketika dalam fasa pandemik covid-19 melanda seluruh dunia baru-baru ini. Pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia terutamanya menghadapi cabaran melalui aspek teknologi yang signifikan dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh dalam tempoh ini. Kurangnya infrastruktur dan kemahiran digital dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh telah menjadi halangan utama terhadap perjalanan PdP di pusat pengajian tahfiz swasta (Zulfiqar & Muhamad, 2022).

Bahkan, salah satu cabaran teknologi yang dihadapi oleh pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia adalah pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran yang tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka sewaktu fasa pandemik Covid-19. Alternatifnya, pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar pula adalah untuk menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan amalan baharu yang memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Situasi tersebut turut memberi cabaran yang besar terhadap institusi tahfiz terutamanya kerana mereka perlu memastikan para pelajar menghantar hafalan pada setiap hari mengikut sukatan yang telah ditetapkan (Ahmad Zulfiqar & Muhamad Hafiz, 2022).

Dalam usaha untuk mengatasi cabaran teknologi terhadap institusi tahfiz, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkasa pendidikan digital di Malaysia. Belanjawan 2023 memberikan peruntukan sebanyak RM55.2 bilion kepada Kementerian Pendidikan dengan peruntukan terbesar untuk pembelajaran digital (Herry. C, 2023). Selain itu, pelbagai aplikasi dan platform telah digunakan untuk memastikan pembelajaran jarak jauh berjalan dengan lancar, termasuk penggunaan platform pendidikan seperti Microsoft Teams, Google Workspace, Zoom dan lain-lain (Ramdhan Samsudin, 2021).



Perkembangan teknologi yang begitu pesat ini sewajarnya dimanfaatkan bagi membantu meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan institusi tahfiz di Malaysia. Dalam jangka masa panjang, pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia perlu memperkukuhkan infrastruktur teknologi mereka memandangkan ianya memainkan peranan penting terutamanya dalam meningkat lagi kecekapan serta membantu mengurangkan beban dalam pekerjaan. Oleh itu, kesempatan ini harus diambil peluang untuk meningkatkan lagi suasana pembelajaran serta pengajaran yang berkesan (Idawarna Hasin et al., 2022).

Cabaran Dalam Aspek Masalah Sosial

Era globalisasi dan modenisasi yang berlaku sekarang ini bukan sahaja memberikan kesan positif, namun sebaliknya juga. Laporan yang didedahkan di media cetak dan elektronik mutakhir ini memperlihatkan peningkatan gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja (Nurul Huda & Izzah, 2022). Kebanyakan mereka terlibat dalam permasalahan sosial atau krisis akhlak yang melampau, termasuk para pelajar di dalam instituti pendidikan. Kita dapat lihat bahawa kecanggihan teknologi zaman ini sedikit sebanyak menyumbang kepada salah laku ini. Contohnya menghisap vape, memuat naik gambar-gambar lucah menerusi smartphone, mencuri, menagih dadah, mengadakan hubungan sejenis dan sebagainya. Pascamodenisme hadir dengan membawa segala macam fenomena baru yang tidak terfikir, tergapai dan terlaksana oleh kita (Mohd Azhar et al., 2004).

Begitu juga, institusi tahfiz tidak terkecuali menghadapi masalah yang sama. Tempias pengaruh negatif media sosial ini menyumbang kepada kelemahan dan juga kegagalan pelajar dalam pencapaian hafazan al-Quran. Menurut laporan oleh Sinar Harian (Mohd Izzatul Izuan Tahir, 2020), seorang pelajar di sebuah sekolah tahfiz di Tanjong Karang didakwa cedera akibat dibelasah oleh lima hingga tujuh pelajar lain dipercayai senior. Kejadian itu didakwa berpunca daripada rasa tidak berpuas hati selepas mangsa dikatakan penyebab vape milik mereka dirampas pihak sekolah.

Selain itu, laporan daripada The Merdeka Times (Hidayah Sani, 2023) menyatakan pengetua Sekolah Islam Nur Al-Azhar (SINAR) telah menziarahi sebuah sekolah yang menempatkan lepasan tahfiz dan pondok bagi menyiapkan mereka mengambil SPM *fast track*. Mereka mendapati di dalam sebuah bilik asrama yang memuatkan 20 orang pelajar, 19 orang daripada mereka adalah penghisap rokok elektronik (*vape*). Demikian luahan mudir Sekolah Islam Nur Al-Azhar (SINAR), Rohidzir Rais dengan menyifatkan nisbah itu amat menakutkan dana membimbangkan kerana sepatutnya pelajar penghafaz al-Quran menjaga akal mereka demi memelihara hafazan mereka. Beliau juga menggesa undang-undang diperketatkan dan pihak terkait tidak takut menghukum pelajar yang bermasalah hatta jika perlu membuang beberapa 'barah' demi menyelamatkan pelajar lain.

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Noorhidayah et al. (2022) hasil dari *Focus Group Discussion* (FGD) yang dijalankan ke atas pelajar tahfiz, terdapat empat faktor utama yang dikenalpasti mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz iaitu sokongan komunikasi daripada ibubapa, keterlibatan dalam program kerohanian, peranan guru dan juga faktor persekitaran. Tempias pengaruh negatif dalam media sosial ini menyumbang kepada kelemahan dan juga kegagalan pelajar dalam pencapaian hafazan al-Quran. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai Islam sangat penting dalam kehidupan manusia keseluruhannya. Nilai ini berperanan dalam membangunkan individu dari sudut lahiriah dan sahsiah diri (Khairul Hamimah, 2018). Apatah lagi kepada pelajar tahfiz yang kebanyakan masa mereka bersama al-Quran. Nilai akhlak individu Muslim perlu diperkukuhkan dan dijadikan fokus utama sebagai jati diri seorang penghafaz ayat-ayat suci al-Quran.

Cabaran Dalam Aspek Pensijilan

Penarafan sijil memainkan peranan penting bagi masyarakat moden. Ia sebagai lambang kejayaan setelah bergelut dengan pelbagai ujian dan kesulitan semasa pengajian. Ia juga dianggap sebagai alat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Ini adalah tuntutan dan keperluan masyarakat sekarang. Pengiktirafan kerajaan menjadi mekanisme penting dalam menentukan sijil yang dikeluarkan tersebut diterima atau tidak dalam pasaran pekerjaan.



Masalah ini boleh dibahagikan kepada dua keadaan. Pertama, sebahagian dari institusi tahfiz swasta di Malaysia telah mengeluarkan sijil tahfiz yang tidak mendapat pengiktirafan dari pihak berwajib (Solahuddin Ismail, 2015). Kedua, sebahagian institusi tahfiz swasta yang mengambil pelajar yang tidak mempunyai satu pun sijil peperiksaan awam contohnya seperti peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf oleh kerajaan (Solahuddin Ismail, 2015). Situasi ini boleh dianggap sebagai satu bentuk ketidakadilan serta penindasan terhadap pelajar kerana sijil yang mereka perolehi tidak diiktiraf untuk melanjutkan pelajaran atau mendapatkan pekerjaan, walaupun mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan hafazan yang diperlukan. Perhatian yang sewajarnya perlu diambil oleh kerajaan dan pentadbiran institusi tahfiz agar pelajar tidak lagi menjadi mangsa keadaan dan terdicir dari arus perdana pengajian tahfiz.

Cabaran Dari Aspek Persekitaran

Kecemerlangan akademik pelajar penting untuk melahirkan pelajar yang baik dari aspek keilmuan, keterampilan dan kewibawaan. Persekitaran pembelajaran merupakan salah satu elemen penting dan berperanan menyumbang kepada salah satu cabaran dalam pengajian tahfiz (Muhammad Hafizan, 2021). Persekitaran pembelajaran adalah merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran (Tessmer dan Harris, 1992). Ianya juga merangkumi keadaan yang berkaitan reka bentuk, susun atur atau susunan dan keadaan sekeliling sesuatu infrastruktur.

Fraser (1998), didalam kajiannya menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran adalah tempat pembelajaran berlaku, sama ada dalam konteks sosial, psikologikal dan pedagogikal yang boleh mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar. Menurut Apidah Amin (2023), persekitaran pembelajaran merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan. Persekitaran yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan pengajaran dan pembelajaran

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (2018), melaporkan bahawa institusi Tahfiz berdepan dengan kekurangan infrastruktur dan tidak selari dengan arus pemodenan, ketidakstabilan ekonomi, krisis penempatan serta kekurangan bekalan makanan. (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2018). Masalah ini sering kali menjejaskan pusat Tahfiz apabila mereka kehilangan pertumbuhan dan daya tarikan sensori berbanding dengan pendidikan arus perdana Malaysia (sekolah rendah, sekolah menengah, dan universiti).

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh (Zainora & Arif, 2021, Fathiyah et. al, 2019) menunjukkan bahawa cabaran dari segi persekitaran yang dihadapi oleh sebahagian pelajar-pelajar tahfiz adalah dipengaruhi oleh faktor rakan sebaya. Hal ini kerana ada di kalangan pelajar yang mempunyai kelebihan tersendiri seperti mempunyai hafalan yang kuat. Situasi ini memberikan kesan terhadap pelajar yang mempunyai kekurangan atau lemah dalam hafalan mereka. Berdasarkan ini menunjukkan persekitaran juga mempengaruhi setiap individu atau pelajar tersebut.

Selain itu, pelajar juga mempunyai cabaran persekitaran jika menghafal di rumah. Sebagai contoh kajian oleh (Zainora & Arif, 2021) ini mendapati bukan sahaja kanak-kanak yang terkesan terhadap media telekomunikasi seperti televisyen malah orang dewasa juga turut merasakan bahawa media telekomunikasi menjadi salah satu cabaran persekitaran. Dan seperti biasa, sesuatu perkara yang diambil secara berlebihan pasti akan membawa mudarat kepada orang yang mengambilnya lagi-lagi boleh menyebabkan leka sehingga perkara yang perlu diambil serius terabai begitu sahaja.

Cabaran Dalam Aspek Modenisasi

Pembangunan Malaysia yang berkembang maju telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan rakyatnya. Ia turut memberi impak kepada perkembangan institusi tahfiz. Mutakhir ini, telah memperlihatkan institusi tahfiz terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama, institusi tahfiz yang masih mengekalkan elemen tradisional yang hanya mempelajari ilmu al-Quran dan fardu ain sahaja. Kedua, institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu agama. Dan ketiga institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu sains



(Noor Hisham et. al, 2014). Ia wujud akibat dari proses modenisasi yang telah membentuk disiplin ilmu yang semakin kecil tetapi banyak. Ini menjadikan usaha untuk membentuk kurikulum dan pengagihan masa belajar menjadi semakin sulit. Begitu juga dengan penguasaan pelajar ke atas didiplin ilmu yang pelbagai tersebut menjadi semakin sukar kerana metod pengajian ilmu tersebut adalah berbeza (Zainora & Arif, 2021).

5.0 Kesimpulan

Golongan huffaz di Malaysia adalah aset yang cukup besar untuk dimanfaatkan bagi menjalankan kegiatan dakwah kepada masyarakat. Prospeknya sangat luas dan mempunyai potensi yang sangat tinggi jika diurus dengan telus dan baik. Kesedaran ummah menjadikan berkembang luasnya institusi tahfiz dalam negara bagi menampung permintaan yang tinggi. Kepelbagaian bentuk dan pola pendidikan tahfiz di Malaysia yang standing dengan pendidikan arus perdana menjadi alternatif kepada ummah untuk membuat pilihan terbaik bagi kelangsungan hidup anak-anak mereka. Teknologi yang berkembang maju di Malaysia telah berjaya dimanfaatkan oleh sebahagian institusi tahfiz memperkasakan lagi institusi mereka. Ilmu al-Quran telah digandingkan dengan ilmu agama dan sains dalam usaha melahirkan ulama profesional yang dapat menjulang Malaysia sebagai negara Islam yang moderate di mata dunia.

Namun di sebalik potensi tersebut, wujud juga cabaran yang sebenarnya lebih bersifat teknikal. Permasalahan berkaitan ketidakseragaman kurikulum, tiada yang lengkap berkaitan seluruh institusi tahfiz, sijil yang tidak diiktiraf kerajaan, huffaz yang tidak berkemahiran dan sebagainya bukanlah merupakan isu pokok. Ia boleh diselesaikan secara musyawarah dan ada kesefahaman di kalangan pihak yang terlibat. Cabaran ini tidak boleh diambil mudah. Ia perlu dirungkai dengan pembaharuan dan penambahbaikan yang bersesuaian agar potensi yang memberangsangkan tersebut tidak ketinggalan dari arus perdana negara.

Oleh yang demikian, institusi tahfiz di Malaysia sama ada kerajaan atau swasta perlu kembali kepada matlamat asal tentang hasrat dan tujuan penubuhannya. Keinginan negara dan rakyatnya untuk melihat huffaz professional yang menguasai pelbagai disiplin ilmu terutama ilmu sains tulen mampu direalisasikan jika kerajaan dan ummah peka dengan perubahan persekitaran mereka semua pihak perlulah menggembleng tenaga untuk sama-sama menyokong institusi tahfiz ini. Kementerian Pendidikan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ibubapa dan masyarakat setempat haruslah saling menyokong demi memastikan institusi tahfiz di negara kita ini terus membangun. Selain daripada pihak kerajaan, pihak pengurusan IT juga khususnya, disarankan mengambil tindakan proaktif agar institusi ini dapat bergerak selari dengan kemajuan negara. Dengan ini, graduan yang profesional dan berkemahiran dalam segenap aspek dapat dilahirkan selari dengan matlamat pendidikan negara

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abd Khalim Kasmuri, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Mohd Nazir Kadir. (2023). *Kajian Literatur Faktor-Faktor Kebolehpasaran Pelajar Lulusan Aliran Tahfiz*. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 8(1), 86-93.

Abdullah Jusuh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ahmad Salihin Nasaruddin & Latifah Abdul Majid. (2022). Sejarah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Mushaf al-Quran. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 7(2), 41-48.

- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa. (2022). *Isu Dan Cabaran Pengelolaan Kelas Pengajian Tahfiz Al-Quran Secara Dalam Talian (Online) Di Institusi Tahfiz Swasta Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah, 7(1), 62-72.
- Amri Baharuddin Shamsul. (2005). *Islam Embedded: 'Moderate' political Islam and Governance in The Malay World*. Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for The 21st Century, 103-120.
- Fadzlullah Hj Shuib. (1995). *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah Dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258 M*. Kuala Lumpur; Pustaka Warisan.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Wan Marzuki Wan Jaafar & Lukman Abd Mutalib (2019). *Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia: Learning Challenges and Support Needed by Tahfiz Students at Selected Government-Funded Religious Schools in Malaysia*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 3(2), 35-45.
- Fraser, B. J. (1998). *Classroom environment instruments: Development, validity and applications*. Learning environments research, 1, 7-34.
- Hanbal, A. (2001). Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal. Jil. 1-50. Muassasah al-Risalah.
- Herry, C. (2023). *Pembelajaran Jarak Jauh*. Retrieved July 1, 2023, from AR Edutech website: <https://aredutech.com/pembelajaran-jarak-jauh/>
- Hidayah Sani. (2023). *Ketagihan Vape Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz dan Pondok Amat Membimbangkan*. The Merdeka Times (Kuala Lumpur) April 11.
- Hj Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Nor Syahida Abdullah, Kartini Mohd Yusoff & Mohd Roslan Abd Rahman (2022). *Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 15(2), 23-32.
- Ikmal Adnan, Khairulnazrin Nasir, Ismail Abd Halim, Rohaidi Habil & Rahim Kamarul Zaman. (2023). *Perkembangan Pusat Pengajian Tahfiz Swasta Pasca Pandemik Covid-19 di Malaysia: Kesan dan Persepsi Masyarakat: Development of the Covid-19 Post-Pandemic Private Tahfiz Study Center in Malaysia: Public Impact and Perceptions*. Qiraat: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 6(2), 61-72.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Cetakan Pertama, JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). data.gov.my. Retrieved from Senarai Tahfiz di Malaysia: https://www.data.gov.my/data/dataset/a839fb70-12b9-4810-b539-df1822f88b0f/resource/3adcd53-eb4f-4fb0-aa82-ddeeba893f60/download/m-20210818105735_202108181057350_tahfiz-compiled.csv
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Khoharuddin Balwi, Muhamed Fauzi Othman & Othman A. Kassim . (2004). *Wajah moral masyarakat Melayu pascamoden: Antara realiti, harapan dan gagasan pendidikan moral tinggi*. 1-24.
- Mohd Izzatul Izuan Tahir. (2020). *PITAS Pandang Serius Kes Buli di Tahfiz*. Sinar Harian Online (Selangor) Mac 13.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Abdul Aziz Mat Isa & Hamdi Ishak. (2021). *Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Implementaton of learning tahfiz program of professional huffaz at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)*. al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 6(1), 596-605.
- Mun'im Hilmi, Abdul, Norazman Alias & Zainora Daud. (2021). *Keperluan Aplikasi Digital Pengajian Qirā'āt Menerusi Pendekatan Cybergogi Dalam Revolusi Industri 4.0*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman & Mohd Faez Ilias. (2015). *Pendidikan tahfiz di Malaysia: Satu sorotan sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship, Tanjung Malai, Langkawi.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat dan Halatujua Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*. Kertas dibentang di 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education, Kota Bharu, Kelantan.
- Nordin Ahmad. (2015). *Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi.
- Nurul Huda Abdul Rahim & Izzah Nur Aida Zur Raffa. (2023). *Cabaran Revolusi Industri 4.0 dan Implikasinya terhadap Bidang Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED). 8(54).

- Ramdhan Samsudin. (2021). i-Guru gesa kerajaan, jabatan agama bantu pusat tahfiz. Retrieved July 1, 2023, from Utusan Malaysia website: <https://www.utusan.com.my/pendidikan/2021/08/i-guru-gesa-kerajaan-jabatan-agama-bantu-pusat-tahfiz/>
- Rosnani Hashim. (1994). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. University Of Florida.
- Shamsul, A. B. (2002). *Islam Embedded: Political Islam and Governance in Southeast Asia*. An International Conference on "Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 20st Century, ISEAS Singapore, 2-3 September.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan. (2022). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz: The Factors Affecting Personality Development among Tahfiz Students*. Jurnal Pengajian Islam, 15(1), 259-271.
- Solahuddin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November. 194.
- Solahuddin Ismail. (2015). *Pembangunan dan Perubahan Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kedah 1800M-2012M*. Tesis Doktor Falsafah, Tidak diterbitkan, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tessmer, M. & Harris, D. 1992. *Analysing the instructional setting : Environmental Analysis*. New York. Kogan Page Limited.
- Wan Muhammad A.Aziz. (1997). *Pengurusan Ma'ahad Tahfiz al-Quran; Pengalaman Darul Quran*. Jurnal Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bil, 3.
- Zainora Daud and Muhammad Arif Musa. (2021). *Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa: The Challenges and Limitations in Part-Time Tahfiz Education*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 5(1), 77-88.